



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)

DEPUTY SECRETARY GENERAL (FINANCE)

Kementerian Kesihatan Malaysia

Ministry of Health Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2542

Ruj. Kami : KKM-57/T8/10 Jld. 22(56)

Tarikh : 14 Jun 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENERIMAAN HADIAH BUKAN TUNAI UNTUK KEGUNAAN JABATAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Garis Panduan Permohonan Kelulusan Penerimaan Hadiah Bukan Tunai untuk Kegunaan Jabatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diedar dan berkuat kuasa mulai 1 Disember 2023. Garis panduan tersebut adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.5 iaitu berhubung Tatacara Pengurusan Penerimaan atau Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan dalam Perkhidmatan Awam.

3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat edaran bertarikh 16 Januari 2024 telah memaklumkan beberapa pindaan kepada Ceraian UP.7.2.5 tersebut. Selain itu, KKM juga turut menerima Surat Edaran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (KPKK) Bil. 4 Tahun 2023 bertarikh 11 Disember 2023 yang memberi peringatan agar peraturan-peraturan Keselamatan Perlindungan dilaksanakan oleh semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan, Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta mana-mana orang, tribunal, badan, institusi atau pihak berkuasa yang diisytiharkan sebagai perkhidmatan awam.

4. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Permohonan Kelulusan Penerimaan Hadiah Bukan Tunai untuk Kegunaan Jabatan di KKM telah dikemas kini agar selari dengan pindaan serta pemakluman yang telah dinyatakan pada perenggan 3. Bersama-sama ini disertakan garis panduan yang telah dikemas kini, surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 16 Januari 2024 dan surat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan bertarikh 11 Disember 2023 untuk rujukan YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI NORAZMAN AYOB)

s.k.:

1. YBhg. Dato' TKSU (Pengurusan)
2. YBhg. Datuk Dr. TKPK (Kesihatan Awam)
3. YBhg. Dato' Dr. TKPK (Perubatan)
4. YBhg. Datuk Dr. TKPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

SENARAI EDARAN

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
6. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
dan Putrajaya
8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
11. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
12. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
13. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
14. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
15. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

16. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
17. Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
18. Pengarah
Institut Kanser Negara
19. Pengarah
Pusat Darah Negara
20. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
21. Pendaftar
Institut Kesihatan Negara
22. Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-Kanak dan Institut Latihan KKM (Pergigian)